Bahan 2 – Keratan berita

Mahasiswa ceburi pertanian

Kurangkan masalah pengangguran, atasi kekurangan bekalan makanan

LANCHANG – Mahasiswa perlu diberi pendedahan berkaitan suasana sebenar sektor pertanian supaya minda mereka terbuka untuk melihat potensi dalam bidang ini.

Pegawai Pertanian Temerloh, Jasri Yusop berkata, majoriti lepasan universiti bersikap memilih dan cerewet dalam mendapatkan pekerjaan menyebabkan bilangan siswazah menganggur meningkat.

Menurutnya, pihaknya bersedia memberikan tunjuk ajar dan penerangan kepada mana-mana mahasiswa yang berminat mengetahui secara terperinci berkaitan bidang pertanian pada masa kini.

"Bidang pertanian kini bukan seperti masa lampau di mana keadaan sekarang jauh lebih maju seiring perkembangan teknologi. Tugasan petani kini menjadi lebih mudah dengan adanya pelbagai jentera dan teknologi.

"Kebanyakan graduan cenderung bekerja dalam sektor kerajaan atau swasta. Sebenarnya, ilmu ketika menuntut di universiti boleh dikombinasi dengan sektor pertanian dan usaha gigih mampu menjadikan mereka sebagai petani yang berjaya," katanya.



Pelajar UPSI bergambar di TKPM, Lanchang selepas mengadakan lawatan bersama Jabatan Pertanian Temerloh.

Beliau berkata demikian kepada *Sinar Harian* selepas membawa 120 mahasiswa Universiti Pegurusan Sultan Idris (UPSI) ke projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), dekat sini.

Jasri berkata, dia harap dengan pendedahan itu mendjadi pemboleh semangat kepada golongan siswazah untuk menceburi bidang pertanian.

Menurutnya, usaha ini membolehkan kerajaan mengeksport lebih banyak bahan makanan terutama buah-buahan tempatan dalam usaha meningkatkan ekonomi negara.

"Dalam hal ini, Jabatan Pertanian di setiap daerah akan memantau perkembangan petani dan sedaya upaya membantu supaya perusahaan itu mengeluarkan hasil yang banyak dan berkualiti.

"Tidak jabatan juga sedia memberi tunjuk ajar dan sebagainya kepada petani yang baru berjinak-jinak dalam sektor ini," katanya.

Bahan 3 – Grafik



Analisis Soalan

Tema : _____

Fokus 1 : _____

Fokus 2 : _____

Fokus 3 : _____

LIVEWORKSHEETS